



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 02/2024



KEDAULATAN SYARIAT ISLAM

06 SYABAAN 1445H/16 FEBRUARI 2024

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا.

مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama bertakwa kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan sebenar-benar takwa, iaitu dengan melaksanakan segala perintah dan seruan-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya kerana dengan takwa sahajalah kita akan mendapat reda Allah Subhanahu wa Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Agama Islam adalah kurniaan dan nikmat terbesar yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu wa-Taala kepada manusia. Agama Islam adalah agama yang lengkap dan bukan sekadar agama yang berbentuk upacara ibadah semata-mata tetapi



ia merupakan satu cara hidup. Hanya agama Islam sahaja yang diterima oleh Allah Subhanahu wa-Taala berdasarkan firman-Nya dalam surah Ali Imran ayat 85:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَنْ يَبْتَغِ عَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ

Yang bermaksud: “ *Dan sesiapa yang mencari agama selain Islam, maka dia tidak akan diterima dan pada hari akhirat kelak dia termasuk dalam kalangan orang yang rugi*”

Di negara kita Malaysia, syariat Islam telah diamalkan sejak sekian lama. Sejarah membuktikan, kerajaan-kerajaan kesultanan Islam yang memerintah Tanah Melayu ini memerintah dengan syariat Islam. Antara buktinya tertulis di dalam Hukum Kanun Pahang, Hukum Kanun Melaka, dan Batu Bersurat Terengganu serta bukti-bukti yang lain.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Umat Islam hari ini dihimpit dengan penghinaan yang tidak berkesudahan ekoran daripada sikap sebahagian daripada umat Islam yang tidak lagi memperdulikan soal syariah, apatah lagi untuk mempertahankannya. Mereka hanya memandang sepi menyaksikan Islam diserang dari segenap arah oleh golongan yang anti Islam seperti kumpulan Islam Liberal, Sisters In Islam, Pertubuhan Melayu Murtad, Penubuhan Suruhanjaya Antara Agama (IFC) yang memberi hak kebebasan memilih agama termasuk untuk orang Islam dan lain-lain.

Kumpulan ini mengambil kesempatan sepenuhnya disebabkan kelalaian umat Islam. Benarlah apa yang dinyatakan oleh Allah Subhanahu wa-Taala melalui firman-Nya dalam Surah al-Baqarah ayat 109:



وَدَّ كَثِيرٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ يَرُدُّونَكُمْ مِّنْ بَعْدِ إِيمَانِكُمْ كُفَّارًا حَسَدًا مِّنْ عِنْدِ أَنفُسِهِمْ مِّنْ
بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمُ الْحَقُّ ۗ

Yang bermaksud: “Dan sebahagian besar ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) inginkan supaya mereka dapat mengembalikan kamu kepada kekafiran setelah kamu beriman kerana hasad dengki yang (timbul) daripada diri mereka sendiri setelah nyata bagi mereka kebenaran (Muhammad).

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Antara ancaman yang sedang dihadapi oleh umat Islam di negara ini ialah usaha menghalang Islam dikuatkuasakan walaupun ke atas umat Islam sendiri. Mereka bertindak mencampuri hal ehwal agama Islam dan sistem kehakiman negara untuk tunduk kepada kehendak nafsu mereka. Ini dilaksanakan dengan mengheret urusan agama dan ketetapan Tuhan untuk dibicarakan di Mahkamah Sivil yang tidak berasaskan agama. Ini adalah pencabulan kepada syariat Islam yang telah ditetapkan oleh Allah Subhanahu wa Taala di dalam al-Quran dan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Maidah ayat 50:

أَفَحُكْمَ الْجَاهِلِيَّةِ يَبْغُونَ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ حُكْمًا لِّقَوْمٍ يُوقِنُونَ

Yang bermaksud: “Apakah hukum Jahiliyah yang dikehendaki mereka, dan hukum siapakah yang lebih baik daripada hukum Allah bagi orang yang mempunyai keyakinan?.”

Perlembagaan Negara kita telah menetapkan bahawa Islam sebagai Agama Persekutuan dan urusan keagamaan diletakkan di bawah bidang kuasa negeri yang dinaungi oleh Raja-Raja Melayu. Sebarang bentuk pencabulan terhadap urusan pentadbiran Hal Ehwal Agama adalah merupakan satu penderhakaan terhadap raja



dan sultan yang memerintah negeri-negeri. Perlu diketahui juga, menurut Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa Mahkamah Sivil tidak ada kuasa pada hal-hal yang dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Kita juga berharap agar pihak berkuasa bertindak tegas menjaga kesucian agama Islam dalam negara ini dengan tidak membiarkan agama dan seluruh institusinya dipersenda dan dipertikaikan oleh golongan anti Islam. Marilah kita dan semua pemimpin Islam menyebarkan dakwah supaya orang bukan Islam memahami Islam dan diberi hidayah oleh Allah Subhanahu wa Taala. Pemimpin Islam hendaklah menjadi contoh yang baik kepada orang bukan Islam dengan menjauhi rasuah dan berakhlak mulia.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Mutakhir ini kita bukan sahaja berhadapan dengan kepungan musuh dari luar malah kita juga sedang bergelut dengan penyakit dalaman umat Islam sendiri. Kedapatan dalam kalangan umat Islam tanpa segan silu tergamak melakukan perbuatan zina. Mereka bukan sahaja berhibur tetapi berpesta dengan maksiat yang keji tanpa rasa berdosa dan bersalah. Mereka langsung tidak ambil peduli tentang peringatan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah:

لَمْ تَظْهَرِ الْفَاحِشَةُ فِي قَوْمٍ قَطُّ حَتَّى يُعْلِنُوا بِهَا إِلَّا فَشَا فِيهِمُ الطَّاعُونَ وَالْأَوْجَاعُ الَّتِي لَمْ تَكُنْ

مَضَتْ فِي أَسْلَافِهِمُ الَّذِينَ مَضَوْا.

Yang bermaksud: “Tidaklah jelas perzinaan pada sesuatu kaum sehinggalah mereka berani melakukannya secara terbuka, melainkan mereka akan ditimpa



penyakit taun yang merebak dalam kalangan mereka dan penyakit yang belum pernah menimpa umat yang terdahulu .”

Keadaan seperti ini berlaku adalah disebabkan Syariat Islam belum lagi meresap masuk ke dalam diri, keluarga dan belum dilaksanakan dalam masyarakat Islam kita sepenuhnya.

Oleh yang demikian, marilah kita memperdalam ilmu agama dengan menghadiri majlis-majlis ilmu di masjid-masjid dan surau-surau, membaca al-Quran setiap hari, hadirilah bersama ahli keluarga dan sanak saudara serta rakan taulan untuk solat berjemaah di masjid-masjid kerana seorang muslim yang faham tentang agamanya, yang banyak membaca kalam tuhanNya serta yang akrab hubungan dengan penciptanya sahaja yang mampu bangkit untuk mempertahankan kedaulatan syariat dan kesucian agama Islam ini.

Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Jasiah ayat 18:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ



بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
لِي وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ